

# WartaMEDAN

Malawakil Medan E-Newsletter

*Salam Aidilfitri*

Editor : Amira Amirudin



ISU 01 2017  
JAN - JUN

# NEW KING FOR MALAYSIA

Source: Ministry of Foreign Affairs Malaysia



**SULTAN MUHAMMAD V**

## ABOUT SULTAN MUHAMMAD V

Date of birth: 6 October 1969

Education: Sultan Ismail School (76-81)

Alice Smith School (83)

Oakham School UK (89)

Oxford University (89-91)

Courses at Huron University College, Deutsche Stiftung Internationale Entwicklung, European Business School London.

Hobbies: Horse-riding, reading, golfing, shooting, badminton, bowling, football, 4WD expeditions

All Malaysian Ambassadors will henceforth receive their credentials from Sultan Muhammad V.

The new *Yang di-Pertuan Agong* (King) of Malaysia, Sultan Muhammad V, took his oath of office on 13 December 2016 in a simple yet highly symbolic ceremony at the *Istana Negara* (National Palace).

Also in attendance were the Conference of Rulers or their representatives, i.e. the Sultans and the Yang di-Pertua Negeri (rulers) of the other states in Malaysia. The ceremony itself was chaired by the Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Malaysia practices a constitutional monarchy system, with the post of the Yang di-Pertuan Agong rotated among the nine Sultans in Malaysia. The decision of which of the nine will be the Yang di-Pertuan Agong is made by the Conference of Rulers, taking into account a number of factors including the principle of geographical rotation.

Once appointed, the Yang di-Pertuan Agong presides over all federal ceremonies involving the monarchy, and is resides at the National Palace in Kuala Lumpur. In his own home state, a regent will be appointed to oversee state ceremonial matters.

Sultan Muhammad V becomes the 15<sup>th</sup> Yang di-Pertuan Agong of Malaysia, corresponding with 60 years of Malaysia's independence. The last time a Sultan of Kelantan was the Yang di-Pertuan Agong was in 1975, in the form of Sultan Muhammad V's grandfather.



*Sultan Nazrin Muizzuddin Shah*

The Sultan of Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah was officially appointed as the Deputy Yang di-Pertuan Agong at the same ceremony.

# LAWATAN KERJA TYT DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM, DUTA BESAR MALAYSIA KE REPUBLIK INDONESIA KE MEDAN

TYT Duta Besar Malaysia ke Republik Indonesia telah mengadakan lawatan kerja ke Kota Medan pada 5 – 7 April 2017. Setibanya di Kota Medan, TYT Duta Besar telah mengadakan kunjungan ke Konsulat Jeneral Malaysia bagi sesi silaturrahim bersama para pegawai dan kakitangan HBS dan LRS dan telah menyampaikan amanat serta harapan beliau agar nama baik organisasi dan Negara terus dipelihara. TYT Duta Besar turut mengadakan pertemuan bersama komuniti Malaysia melibatkan golongan professional, pengusaha dan mahasiswa Malaysia yang menetap di Medan bagi mendengar isu-isu yang dihadapi mereka.



Dalam lawatan kerja kali ini juga, TYT Duta Besar berkesempatan mengadakan lawatan ke Pavillion Pulau Pinang sempena ekspo tahunan Pekan Raya Sumatera Utara (PRSU). TYT Duta Besar menyambut baik kegiatan tersebut dalam mempromosikan kerjasama ekonomi Malaysia-Indonesia, khususnya manfaat dan potensi kepada Wilayah Ekonomi Koridor Utara sebagai pusat pelancongan, perubatan, pendidikan, pelaburan dan perdagangan strategik bagi Selat Melaka.



# BAKTI SOSIAL *DENTAL STUDENT COMMITTEE* (DSC) 2016/2017

Ahad, 14 Mei 2017 - Dental Student Committee (DSC), Universitas Sumatera Utara (USU) telah menganjurkan Program Bakti Sosial bertempat di Konsulat Jeneral Malaysia. Program sehari tersebut bertujuan memberi peluang kepada 20 mahasiswa/i bidang kedokteran pergigian menjalankan rawatan amali ke atas pesakit sambil menyumbang kepada masyarakat tempatan.

Rawatan gigi secara percuma oleh pelajar warga Malaysia telah diselia oleh dua (2) doktor pergigian pakar telah menarik penyertaan 100 tetamu dari kalangan mahasiswa dan keluarga besar Konsulat Jeneral Malaysia di Medan.



*Konsul Jeneral Malaysia bersama mahasiswa DSC*

## PESANAN KEPADA PELAJAR MALAYSIA DI SUMATERA

- Sumber: Exco Imigrasi, Kepolisian & Kebajikan PKPMI-CM

**DOKUMEN DIJAGA DENGAN BAIK SEPERTI NYAWA SENDIRI**

Pesanan Khusus di Bawah Sifat: Exco Imigrasi dan Kepolisian PKPMI-CM Soal 20170218

**PERINGATAN TENTANG DOKUMEN PENTING PELAJAR**

Pesanan Khusus di Bawah Sifat: Exco Imigrasi dan Kepolisian PKPMI-CM Soal 20170218

**SEMAK TARIKH SAH LAKU DOKUMEN ANDA**  
DALAM MELAKUKAN SEMAK ANDA HARUS MENYERAP PEMERIKSAAN DOKUMEN ANDA.

Pesanan Khusus di Bawah Sifat: Exco Imigrasi dan Kepolisian PKPMI-CM Soal 20170218

**AMBIL TAHU DAN PERHATIKAN HAL-HAL IMIGRASI DI MEDAN**  
terutamanya melalui laman rasmi

Pesanan Khusus di Bawah Sifat: Exco Imigrasi dan Kepolisian PKPMI-CM Soal 20170218

**PASTIKAN PASSPORT DAN KITAS SENTIASA BERADA DISAMPING ANDA**

Pesanan Khusus di Bawah Sifat: Exco Kebajikan, PKPMI Cawang Medan Soal 20170218

**PERSATUAN KEBANGSAAN PELAJAR MALAYSIA DI INDONESIA (CAWANGAN MEDAN)**

**PASTIKAN SUIS ELEKTRIK DAN DAPUR GAS TELAH DITUTUP**

Pesanan Khusus di Bawah Sifat: Exco Kebajikan, PKPMI Cawang Medan Soal 20170218

**TIDAK MENINGGALKAN BARANG BERHARGA DI BILIK/RUMAH**

Pesanan Khusus di Bawah Sifat: Exco Kebajikan, PKPMI Cawang Medan Soal 20170218

**BERITAHU JIRAN ATAU TEMAN TENTANG KETIADAAN ANDA**

Pesanan Khusus di Bawah Sifat: Exco Kebajikan, PKPMI Cawang Medan Soal 20170218

**KUNCI KERETA DAN MOTOR**

Pesanan Khusus di Bawah Sifat: Exco Kebajikan, PKPMI Cawang Medan Soal 20170218

**MUSIM PALIK KAMPUNG**  
**TIPS KESELAMATAN**

Pesanan Khusus di Bawah Sifat: Exco Kebajikan, PKPMI Cawang Medan Soal 20170218

# FUTSAL PIALA KONJEN TAHUN 2017



Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia di Indonesia – Cawangan Medan (PKPMI-CM) dengan kerjasama Konsulat Jeneral Malaysia di Medan telah menganjurkan kejohanan Futsal Piala Konjen Tahun 2017 di Futsal Village, Medan pada Ahad, 21 Mei 2017.

Pertandingan Futsal melibatkan Pelajar Malaysia di Medan dan Aceh sememangnya ditunggu-tunggu oleh siswa-siswi Malaysia di Sumatera setiap tahun untuk menonjolkan bakat sukan masing-masing menerusi aktiviti sihat.

Pasukan Kategori Lelaki "Fulamak Torpedos" yang membariskan pemain di kalangan siswa-siswa Malaysia yang menuntut di Universiti sekitar Sumatera Utara telah berjaya menewaskan juara bertahan 2016 "Hogoh FC". Manakala pasukan kategori wanita "Kak Ton" telah menebus kembali gelaran juaranya pada tahun ini setelah gagal mempertahankannya pada tahun 2016.

## [FUTSAL PIALA KONJEN 2017]

- Kategori Lelaki  
Tempat Pertama (Emas)  
"Fulamak Torpedos"  
Tempat Kedua (Perak)  
"Aceh A"  
Tempat Ketiga (Gangsa)  
"Hogoh FC"



## [FUTSAL PIALA KONJEN 2017]

- Kategori Wanita  
Tempat Pertama (Emas)  
"Kak Ton"  
Tempat Kedua (Perak)  
"Rojak"  
Tempat Ketiga (Gangsa)  
"Serdang FC"





# LAWATAN KERJA YB MENTERI BESAR PERAK KE MEDAN SEMPENA “PERAK TRAVEL MART & BUSINESS SESSION 2017”

- Sumber: Tourism Malaysia di Medan



Konsul Jeneral bersama YB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir, Menteri Besar Perak

Pada sebelah malam, program diteruskan dengan Majlis Ramah Mesra YB Menteri Besar Perak bersama pelajar-pelajar Malaysia di Sumatera Utara. Majlis santai yang telah diadakan di Grand Aston City Hall Medan. Seramai 150 mahasiswa Malaysia yang terdiri daripada tiga (3) buah universiti utama di Sumatera Utara iaitu Universitas Sumatera Utara (USU), Universitas Islam Negeri Sumatera Utara (UINSU) dan Universitas Medan (UNIMED) telah menjayakan program tersebut.

Isnin, 8 Mei 2017 Pejabat Tourism Malaysia Konsulat Jeneral Malaysia di Medan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak telah melaksanakan program “Perak Travel Mart & Business Session 2017” bertempat di Grand Aston City Hall Medan.

Program ini merupakan platform dan peluang bagi pihak industri pelancongan Malaysia bertemu dengan pihak industri pelancongan Medan, Sumatera Utara dalam mengeratkan kerjasama dua hala dalam sektor pelancongan dan kebudayaan.



YB Menteri Besar Perak bersama Ir. H. Tengku Erry Nuradi M.Si, Gubernur Sumatera Utara merasmikan “Perak Travel Mart & Business Session 2017”



Sesi wawancara YB Menteri Besar Perak bersama pihak media tempatan



Sumber: Twitter Rasmi Menteri Besar Perak @ZambryOfficial

# PATKOR MALINDO SIRI 135/17

- Sumber: Pejabat Perhubungan TLDM



Markas Wilayah Laut 3 (MAWILLA 3), Pangkalan TLDM Langkawi telah menjadi tuan rumah bagi Upacara Pembukaan Op PATKOR MALINDO siri 135/17 yang berlangsung 28 Februari 2017 dan 1 Mac 2017. Operasi ini diadakan sebanyak empat kali setahun dimana Upacara Pembukaan dan Penutup akan dilakukan secara bergilir-gilir di antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Nasional Indonesia - Angkatan Laut (TNI-AL).

Op PATKOR MALINDO merupakan operasi bersama rondaan di laut antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Nasional Indonesia – Angkatan Laut (TNI-AL) untuk memantau keselamatan Perairan Malaysia dan Perairan Indonesia masing-masing di Selat Melaka.

Majlis Penutup Operasi pula telah diadakan pada 8 Mac 2017 di Markas Komando Pangkalan Utama TNI AL-I (Mako Lantamal-I) Belawan.



# SAMBUTAN HARI TLDM KE-83

- Sumber: Pejabat Perhubungan TLDM

Khamis, 27 April 2017 Pejabat TLDM Medan telah mengadakan Majlis Sambutan Hari TLDM ke-83 bertempat di Konsulat Jeneral Malaysia di Medan dengan interpretasi tema “TLDM Siap Siaga, Perairan Terpelihara”. Majlis yang telah diadakan dengan penuh makna ini telah dihadiri oleh semua kakitangan dan keluarga Konsulat Jeneral Malaysia di Medan.

Majlis telah dimulai dengan nyanyian lagu Negaraku dan Samudera Raya, ucapan Pegawai Perhubungan TLDM iaitu Lt Kdr Abdul Hamid Abu Bakar, ucapan Konsul Jeneral, sesi memotong kek, sesi foto, bacaan doa dan jamuan ringan.

Warga Konsulat Jeneral juga telah dipertontonkan video *Royal Malaysian Navy Transformation* yang telah menekankan pembangunan dalam modal insan dengan mengasah Tentera Laut yang mampu untuk berfikir secara inovatif yang membawa kepada penemuan, ciptaan, perkembangan dan strategi baru dalam menjalankan misi untuk melindungi kedaulatan dan kepentingan maritim Malaysia.



# HARI KELUARGA KSKR&S & SUMBANGAN KE PANTI ASUHAN ADE IRMA SURYANI

- Sumber: KSKR&S

Ahad, 5 Mac 2017 Kelab Sukan, Kebajikan, Rekreasi dan Sosial (KSKR&S) Konsulat Jeneral Malaysia di Medan telah menganjurkan Hari Keluarga KSKR&S yang telah diadakan di Lapangan Badminton Konsulat Jeneral Malaysia di Medan. Acara telah dimulai seawal 8.00 pagi dengan aktiviti sukaneka dan cabutan bertuah. Turut terlibat menjayakan adalah PERWAKILAN yang telah menyediakan makanan dan minuman untuk acara tersebut.

Aktiviti tahunan ini telah berjaya mengumpulkan seluruh warga kakitangan Konsulat Jeneral Malaysia bersama ahli keluarga bagi mengeratkan silaturrahim dan mengisi hari minggu dengan aktiviti yang sihat.



*Nanang (LRS) Pemenang Utama cabutan bertuah baucer penginapan percuma selama 2 hari 1 malam di Berjaya Hotel, Pulau Pinang.*



**KONSIL Jeneral Malaysia Selenggarakan Hari Keluarga**

MEDAN (Waspada): Konsul Jeneral Malaysia di Medan mengadakan kegiatan Hari Keluarga di arena gedung Konsul Jeneral Malaysia Jalan Diponegoro No. 43, Minggu (5/3).

Seluruh staff dan pegawai Konsul Jeneral Malaysia Medan menghadiri acara Hari Keluarga yang dipimpinan oleh Konsul Jeneral Malaysia Medan En. Anisul Fadhli Bin Hajaji, jelas media relis yang diterima Waspada, Senin (6/3).

Penyenggaraan Hari Keluarga ini merupakan program kegiatan tahunan Kelab Sukan, Kebajikan, Rekreasi dan Sosial (KSKR&S) diartikan oleh En. Azhari Haron yang merupakan Presiden Kelab sekaligus Direktur Tourism Malaysia Medan. Sememangnya SKRS itu beranggapan para...

*Sumber: Keratan Akhbar Harian Waspada*



*Sesi foto bersama anak-anak yatim Panti Asuhan Irma Suryani*

## “KEGEMBIRAAN TURUT DIKONGSI BERSAMA”

Dalam kegembiraan menyambut Hari Keluarga ini, pihak KSKR&S turut mengambil peluang berkongsi kegembiraan ini bersama-sama anak-anak yatim daripada Panti Asuhan Ide Irma Suryani, Medan. Sumbangan telah disampaikan oleh Tuan Consul Jeneral Malaysia kepada Ibu Anna, Kepala Panti Asuhan Ade Irma Suryani.

# MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK-ANAK YATIM PANTI ASUHAN ADE IRMA SURYANI



- Sumber: KSKR&S

Jumaat, 16 Jun 2017, Kelab Sukan, Kebajikan, Rekreasi dan Sosial (KSKR&S) Konsulat Jeneral Malaysia di Medan telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa bersama anak-anak yatim daripada Panti Asuhan Ade Irma Suryani.

Majlis telah dimulai dengan ceramah agama, majlis berbuka puasa, solat maghrib, solat isya' dan terawih bersama-sama dengan 25 orang anak-anak yatim yang telah hadir. Penganjuran program ini diharap menceriaikan insan-insan kecil yang diraikan sempena bulan Ramadhan yang penuh bermakna.



*Wajah keceriaan anak-anak yatim daripada Panti Asuhan Irma Suryani*

# AKTIVITI PERWAKILAN MEDAN



MAJLIS *HIGH TEA* DATIN SERI ISMALINA, ISTERI KEPADA YB TIMBALAN MENTERI LUAR BERSAMA MAHASISWI Selasa, 21 Mac 2017 Datin Seri Ismalina, Isteri kepada YB Timbalan Menteri Luar telah meluangkan masa beliau bersama mahasiswi Malaysia di Medan dan Perwakilan Medan dalam satu majlis high tea di Rumah Malaysia. Selain ingin merapatkan silaturrahim bersama komuniti Malaysia di Medan, Datin Seri telah mengadakan perbincangan ringkas bersama mahasiswi Malaysia dan ahli Perwakilan berkenaan peranan wanita dalam pembangunan ekonomi negara.



MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN MEDAN SESI 2017/2018



SAMBUTAN HARI IBU



LAWATAN KE KILANG OLAGAFOOD



Pertengahan tahun pertama 2017, Perwakilan Medan giat mengadakan aktiviti-aktiviti yang memberi manfaat kepada ahli-ahlinya. Antaranya ialah Jualan Makanan & Minuman sempena Program Bakti Sosial yang telah diadakan di Konsulat Jeneral Malaysia pada Mei 2017.

Ahli-ahli juga telah didedahkan dengan ilmu masakan seperti kelas masakan 'butter cookies' dan 'sate' yang telah didemonstrasikan oleh Puan Pengerusi.

Sempena bulan Ramadhan, Perwakilan Medan turut mengisi waktu terluang dengan mengadakan kelas jahitan manik setiap minggu bertujuan mengisi ilmu pengetahuan ahli-ahli dengan ilmu jahitan disamping mengeratkan silaturrahim.



# 2050 NATIONAL TRANSFORMATION

Source: Ministry of Foreign Affairs Malaysia



The 2050 National Transformation or *Transformasi Nasional* (TN50) is a new 30-year transformation plan for Malaysia. It is a new vision for Malaysia, announced by the Prime Minister of Malaysia during the 2017 Budget. TN50 aims to transform Malaysia into a nation of caliber with a new mindset. TN50 will span three decades, and the youths of all races will form the core of this new transformation plan.

On 19 January 2017, the Malaysian Prime Minister, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, launched the first series of national discourse to chart the nation's direction on a new canvas as the 2050 National Transformation with some 500 youth leaders at Dewan Tunku Canselor, University Malaya. The general goal for TN50 is for Malaysia to become a top 20 country in the world by the year 2050.

In the run up to the unveiling of TN50 in 2019, there will be a series of discussions on what the Malaysian identity should be by 2050 – in terms of how Malaysians view themselves as diverse Malaysians.

The Ministry of Youth and Sports is tasked to collect views from youths in the first few months of this year, before moving on to other groups. The year 2017 will be spent collecting views from public with 2018 the year for the Government to have more focused discussions with experts to see whether the views and suggestions are realistic. Near the end of the next year or early 2019, the Government will form a policy document on TN50 to be announced by the Prime Minister.

***“Let TN50 bear witness; (let it) be recorded in history that we are responsible citizens and forefathers, to leave behind the best and the greatest legacy to be inherited by future generations. “From now on, TN50 is our lucky charm. Let the old legacy pass. The future of Malaysia, we will recreate,” - Prime Minister of Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, 21 October 2016.***

TN50 will be the roadmap, after Vision 2020 that will transform the country's economy, citizen well-being, environment, technology, social interaction, governance and public administration.



## KONSULAT JENERAL MALAYSIA MEDAN



**Alamat:**

Konsulat Jeneral Malaysia  
Jln. P.Diponegoro No. 43  
20152 Kota Medan  
Sumatera Utara

**Telefon:**

+ (62)(61)4531342  
+ (62)(61)4535271  
+ (62)(61)4523992

**Fax:** + (62)(61)4534681

**Email:** mwmedan@kln.gov.my

**GMT:** + 7 hrs

**Waktu Operasi:**

Isnin – Jumaat  
8.00 a.m - 4.00 p.m

**Tutup:**

Sabtu, Ahad & Cuti Umum

